

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) WISMA BINTARA 2018 KOLEJ TENTERA UDARA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3136-mesyuarat-agung-tahunan-agm-wisma-bintara-2018-kolej-tentera-udara

ALOR SETAR, 5 Mac 18 – Wisma Bintara Kolej Tentera Udara telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) tahun 2018 bertempat di Dewan Utama Wisma Bintara Kolej. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk melantik Yang Dipertua Wisma Bintara serta Ahli Jawatan Kuasa yang baru bagi tahun ini.

Serah terima tugas diantara mantan YDP iaitu PW U I Ridzwan bin Salleh dan PW U I Shahrinnizam bin Ibrahim telah disaksikan oleh Komandan Kolej Tentera Udara, YBhg Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM dan seterusnya merasmikan majlis mesyuarat tersebut.

